

23/02/1998

10 bahagian sepakak tiada pertandingan

KOTA BHARU, Ahad - Sepuluh daripada 14 bahagian Umno di Kelantan sudah mencapai kata sepakak untuk tidak mengadakan pertandingan bagi jawatan tertinggi parti dalam mesyuarat bahagian bermula pada 12 Mac hingga 29 Mac ini.

Kata sepakak itu dicapai hasil rundingan di antara pemimpin peringkat bahagian terbabit, berikutan saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya semua jawatan parti di peringkat bahagian dilakukan secara rundingan, bukan pertandingan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata perkembangan itu sekali gus menunjukkan nasihat Perdana Menteri dalam menangani isu itu sudah sampai ke peringkat akar umbi.

"Bagaimanapun, proses perundingan sedang berjalan bagi memastikan semua bahagian Umno di negeri mematuhi nasihat itu dan mengelakkan daripada wujudnya pertandingan," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan berkata demikian kepada pemberita selepas berucap di majlis perjumpaan dengan Ketua dan Penyelia Pembangunan Mukim (K/PPM) di Pejabat Umno Negeri, di sini, hari ini.

Menurutnya, setakat ini ada empat bahagian di Kelantan yang masih bermasalah dan belum mencapai kata sepakak berhubung kedudukan barisan kepimpinan masing-masing.

Difahamkan, bahagian terbabit ialah Rantau Panjang, Kota Bharu, Kubang Kerian dan Pasir Puteh.

"Kami sedang berusaha sedaya upaya supaya jawatan Ketua dan Timbalan Ketua seboleh-bolehnya tidak dipertandingkan di peringkat bahagian itu," katanya.

Bagaimanapun, kedudukan itu hanya dapat ditentukan secara muktamad selepas tarikh akhir pencalonan jawatan itu ditutup pada 7 Mac ini, selepas semua cawangan Umno selesai mengadakan mesyuarat masing-masing.

Sehubungan itu, beliau berharap semua pihak terbabit membuka pintu rundingan bagi membolehkan mesyuarat pemilihan di peringkat berkenaan berjalan lancar.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata Umno akan melancarkan 'road show' ke seluruh negeri mulai April ini dengan memberi tumpuan ke arah menggerakkan jentera pilihan raya hingga ke peringkat akar umbi.

Melalui gerakan itu, beliau bersama bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) akan menjelajah ke seluruh negeri bagi menjelaskan kepada ahli mengenai matlamat perjuangan Umno menghadapi Pas di Kelantan.

"Tujuan gerakan ini ialah untuk mewujudkan suatu semangat solidariti di kalangan ahli Umno ke arah proses penyatuan parti," katanya.

(END)